

PM gesa komuniti global bertindak tegas tangani pembunuhan di Gaza

BERITA HARIAN 01 JUN 2025

m/s: 2

Kemusnahan terang-terangan menuntut kesedaran kolektif, bukan sekadar luahan simpati

Singapura: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengesah masyarakat antarabangsa agar bertindak dengan tegas dan konsisten dalam menangani pembunuhan beramai-ramai di Gaza.

Dalam Ucapan Khas beliau pada Dialog Shangri-La ke-22, di sini, Anwar berkata, skala kemusnahan, secara terang-terangan tidak mengendahkan norma kemanusiaan serta kegagalan institusi global dalam menangani konflik tersebut, menuntut lebih daripada sekadar luahan simpati.

“Kita tidak boleh membiarkan kemarahan terpilih atau kelesuan strategik mengaburi kejelasan moral kita. Sesungguhnya, pembunuhan beramai-ramai di Gaza satu ujian terhadap kesedaran kolektif kita,” katanya.

Anwar turut menggambarkan landskap global semasa - dengan jumlah konflik bersenjata tertinggi sejak berakhirnya Perang

Dunia Kedua - sebagai satu detik yang serius dalam sejarah.

Beliau menegaskan bahawa Malaysia tidak berada di bawah satu ilusi mengenai cabaran keselamatan yang bakal dihadapi, sambil menyatakan bahawa kestabilan yang berkekalan perlu berdasarkan kepada asas yang kukuh, dasar yang jelas dan visi jangka panjang.

Anwar turut menegaskan bahawa ASEAN tidak bersikap pasif dalam menangani krisis di Myanmar.

Beliau berkata, walaupun blok serantau itu tidak berniat untuk menentukan hala tuju politik negara terbabit, ASEAN tetap berpegang teguh kepada jangkauan yang digariskan dalam Konsensus Lima Perkara mengenai Myanmar.

“Pembinaan negara Myanmar mesti dipupuk menerusi keterangkuman, bukan pengasingan,” kata beliau.

Pendirian Malaysia teguh

Mengenai isu Laut China Selatan, Anwar berkata, Malaysia secara berterusan bimbang mengenai-potensi peningkatan ketegangan dalam kalangan negara penuntut di kawasan terbabit dan akan terus berinteraksi dengan semua pihak secara tenang, langsung dan konsisten.

“Kami tidak berminat untuk melihat ketegangan bertukar menjadi konfrontasi - apatah lagi di perairan yang begitu penting kepada keselamatan dan kemak-



Perdana Menteri ketika sesi soal jawab pada Dialog Shangri-La ke-22 di Singapura, semalam.

(Foto BERNAMA)

muran kami sendiri,” katanya.

Anwar berkata, yang paling utama, Malaysia tetap teguh dalam pendiriannya bahawa semua pihak mesti mematuhi Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-Undang Laut (UNCLOS).

Sementara itu, Perdana Menteri turut memberi peringatan terhadap pembentukan pakatan yang boleh menjejaskan legitimasi multilateralisme kerana sebuah rantau yang stabil mesti diasaskan kepada keterbukaan,

ketelusan dan kerjasama yang berterusan.

“Kami tidak menolak rakan-rakan sehaluan untuk berbincang sesama sendiri. Tetapi pakatan yang membina tembok dan bukannya jambatan, yang mencekutkan persaingan senjata atau melemahkan legitimasi multilateralisme harus menjadi kebingangan kita,” katanya.

Dialog Shangri-La, satu persidangan utama pertahanan dan keselamatan di rantau Asia-Pasifik, membabitkan penyertaan

daripada 47 negara, termasuk 40 delegasi bertaraf menteri, 20 ketua angkatan tentera, lebih 20 pegawai kanan pertahanan, serta ahli akademik terkemuka dari seluruh rantau ini.

Terdahulu, Anwar turut mengadakan pertemuan dengan Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat, Pete Hegseth serta Presiden Boeing Global merangkap Naib Presiden Kanan Boeing Company, Dr Brendan Nelson di luar sesi dialog berkenaan.

BERNAMA